

07 MAR 2002

MAHATHIR-TARIF/I

MALAYSIA TIDAK SENANG DENGAN TARIF IMPORT KELULI YANG TINGGI

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Menyatakan tidak gembira terhadap kenaikan tarif yang tinggi baru-baru ini ke atas import keluli ke Amerika Syarikat, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad hari ini berkata negara-negara lain yang berpendapat sama patut bergabung untuk bertindak balas.

"Memang kita tidak gembira dengan tarif ini," Dr Mahathir berkata semasa sesi dialog pada Sidang Kemuncak Asia di sini.

Mendapati bahawa Eropah dan Jepun berkongsi pandangan yang sama terhadap tarif itu, katanya: "Jika kita tidak gembira, kita perlu lakukan sesuatu terhadapnya kerana dengan bersendirian kita tidak boleh berbuat apa-apa."

"Tetapi bersama-sama kita boleh lakukan sesuatu," tambah Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

AS telah mengenakan tarif sehingga 30 peratus bagi tempoh tiga tahun ke atas pelbagai jenias import keluli.

Langkah itu telah mencetuskan bantahan seluruh dunia dengan sesetengah bercadang untuk mengemukakan aduan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) terhadap pelanggaran peraturan perdagangan bebas WTO.

Tarif berkenaan, yang dilihat sebagai langkah perlindungan AS terhadap import keluli, telah dibidas sebagai jelas didorong oleh agenda politik domestiknya.

Memperakui hakikat bahawa negara-negara kadang-kadang terdesak untuk "melindungi kepentingan rakyat mereka sendiri," Dr Mahathir berkata begitu juga Malaysia ingin mengenakan tarif di dalam produk-produk tertentu di bahawa Kawasan Perdagangan Bebas Asean.

"Ia adalah persoalan memberi dan menerima. Jika anda terlalu melindungi, akses (pasaran) anda ke negara-negara lain mungkin menghadapi masalah," tambahnya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia percaya terhadap sebuah ekonomi terbuka kerana ia tidak boleh bergantung semata-mata kepada penggunaan domestik bagi pertumbuhan ekonomi.

Katanya Malaysia menerima pakai model Asia di mana bagi kemakmuran ekonomi, perdagangan luar, pelaburan asing dan pelaburan di seberang laut diperlukan.

"Kita berkembang kerana pelaburan langsung asing. Kita tidak percaya terhadap pemencilan," kata Perdana Menteri.

Beralih kepada isu pasaran bebas dan deregulasi, katanya persekitaran bebas bagi seua akna menyebabkan gangguan dan mengujudkan keadaan kacau-bilau.

"Sesuatu masyarakat tanpa peraturan akan menjadi sebuah masyarakat kacau-bilau," tambahnya. -- BERNAMA

MAD KTC OS